



KP(BS/HEP)8586/041(34)
2 Julai 1997

En. Ahmad bin Sutan
Lot 168, Hala Tasek 16,
Kampung Tersusun Tasek,
31400 Ipoh, Perak

Tuan,

**PERMOHONAN MEMPERKENALKAN KAEDAH DAN PENGGUNAAN ALAT
SERBAGUNA 'MAGIC BLOCK' DI SEKOLAH RENDAH DAN MENENGAH**

Merujuk kepada perkara di atas, pihak kami mengucapkan taniah keatas segala kejayaan yang dialami dengan ciptaan 'magic block'.

2. Ciptaan tuan adalah sesuatu yang kreatif dan inovatif dan sedar bahawa alat ini boleh digunakan untuk pelbagai jenis lukisan. Kami berharap juga tuan dapat menjadi contoh kepada guru-guru lain dan berharap budaya reka cipta dan budaya inovatif dapat dipupuk di kalangan guru.

3. Walau bagaimanapun, merujuk kepada surat Pekeliling Ikhtisas Bil.12/1988 Kementerian Pendidikan KP(BS)8591/Jld.III/(31) bertarikh 29 Jun 1988, penjualan secara terus adalah dilarang di sekolah-sekolah. Mengikut surat Pekeliling Ikhtisas tersebut, kelonggaran kepada larangan tersebut boleh diberikan jika ceramah atau demonstrasi yang berkenaan dibuat hanya untuk mendapat perhatian dan pertimbangan pihak pentadbir sekolah, pengurusan koperasi sekolah atau Jawatankuasa Persatuan Ibubapa dan Guru pada hari-hari tertentu tanpa melibatkan pelajar-pelajar dan guru-guru lain. Juga, pihak tuan dikehendaki memohon kebenaran dari Pengarah Pendidikan Negeri dan sekolah yang berkenaan sebelum membuat sebarang demonstrasi di sekolah.

Sekian, terima kasih.

'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'

Saya yang menurut perintah,

(DR. SITI HAWA AHMAD)

Pengarah
Bahagian Sekolah
b.p Ketua Setiausaha
Kementerian Pendidikan